

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]**

**SOALAN :**

**YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini persempadanan semula untuk Semenanjung dan Sabah, selepas Suruhanjaya pilihan Raya telah umum pada tahun lepas proses itu telah ditunda berikutan musibah banjir.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan deraf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.